Sinar ONLINE
KLIK SINI



# Karnival Kerjaya PSA 2018 capai sasaran

*SHARIF KADIR, PSA 9 September 2018*



Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) telah menganjurkan Karnival Kerjaya PSA 2018 pada 6 September 2018. Hampir 1000 orang telah membanjiri Dewan A-Jazari, PSA di mana berlangsungnya karnival kali ini.

Pelbagai pengisian disusun sepanjang karnival kali ini antaranya *booth* pameran, temuduga, ujian bertulis, taklimat industri selain *booth* PSA Job Hunting. Terdapat juga ujian kelayakan untuk program *Apprenticeship* yang ditawarkan melalui *Selangor Human Resource Development Corporation.*



*Pelajar melawat reruai industri di Karnival Kerjaya PSA 2018.*

Karnival kali ini melibatkan penyertaan 45 industri dan IPT yang menawarkan pelbagai tawaran istimewa antaranya tempat untuk *internship,* laluan kerjaya dan melanjutkan pelajaran khususnya untuk pelajar-pelajar tahun akhir dan juga bekas pelajar yang belum mendapat pekerjaan.

Menariknya, buat julung kalinya juga PSA memperkenalkan aplikasi PSA Job Hunting bagi tujuan *accessibility* pelajar-pelajar PSA kepada pihak industri dan sebaliknya untuk tujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Turut hadir dalam program tersebut, Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik) PSA, Zalina Ismail, sebagai memberi sokongan kepada para pelajar.

PSA KARNIVAL KERJAYA

Iklan



STAY CONNECTED

Iklan



Top 5 | Video Hangat

1 Gadis Kuih Bulan tokoh OKU Maal Hijrah Terengganu

2 Penganjuran Dialog Industri 4.0: Kolej Komuniti Pembekal Tenaga Kerja Mahir

3 Bahasa Malaysia instrumen perpaduan, jika ada masyarakat Melayu sukar bertutur dengan baik, mungkin ini faktornya

4 "Kita harus menjiwai dasar pandang ke Timur" - Rektor Aswara

5 Perjumpaan Menteri Pendidikan bersama pelajar dan aktivis pelajar Rabu ini

Iklan






TAKWIM IPT/IPTA

0 - 13 NOVEMBER 2018

Konvokesyen UKM ke-46 : Surat jemputan boleh dicetak mulai 17 September 2018